



قَابِلَاتُ كُنُوْا حَاكِمِيْنَ شَرِيْةٍ بِكُرْسِيِّ قُوَّةٍ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel.: 04-830 7777 Faks: 04-830 7899

<http://www.jksnpp.gov.my>



Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2 (72)
Tarikh : 07 Ogos 2023
20 Muharram 1445H

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Ketua Pendaftar
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Penolong Pendaftar

Yang Arif/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 4 TAHUN 2023
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) & CARTA ALIR PROSES
PENGENDALIAN KES SULH MENGIKUT ARAHAN AMALAN MAHKAMAH
SYARIAH NO. 6 TAHUN 2022**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ Tuan/ Puan kepada keputusan Bengkel Bacaan dan Pindaan Prosedur Kerja dan Prosedur Pengurusan MS ISO 9001:2015 & MS ISO 37001:2016 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 pada 7-9 Ogos 2023 di Hotel Bayview Georgetown, Penang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) & CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN KES SULH MENGIKUT ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH NO. 6 TAHUN 2022** seperti di lampiran 1 & lampiran 2.

Arahan ini berkuat kuasa mulai **10 Ogos 2023**.

(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



LAMPIRAN 1

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) & CARTA ALIR PROSES PENGENDALIAN KES SULH MENGIKUT ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH NO. 6 TAHUN 2022

Prosedur Operasi Standard (SOP) & Carta Alir Proses Pengendalian Kes Sulh Mengikut Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 6 Tahun 2022 ini adalah penjelasan kepada perenggan 7 Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bilangan 2 Tahun 2023 iaitu:

“ 7. Majlis Sulh dikecualikan, jika pihak-pihak mempunyai persetujuan di hadapan Hakim maka persetujuan tersebut boleh direkod sebagai perintah persetujuan bersama dan hendaklah diagihkan kepada pendaftaran sulh untuk merekodkan sulh berjaya.”

Pengendalian kes sulh mengikut Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 6 Tahun 2022 hendaklah dilaksanakan seperti berikut:


1. Kes tuntutan nafkah anak hendaklah difailkan bersama tuntutan perceraian atau pembubaran perkahwinan mengikut proses pendaftaran dan pemfailan sedia ada dengan bayaran fi yang telah ditetapkan.
2. Setelah pendaftaran kes tuntutan nafkah anak dan tuntutan perceraian atau pembubaran perkahwinan hendaklah ditetapkan pada tarikh yang sama mengikut kesesuaian dan kesegeraan sewajarnya.
3. Hakim hendaklah mendengar kes tuntutan perceraian atau pembubaran perkahwinan dan merekodkan suatu perintah persetujuan perceraian atau sabitan pengesahan cerai atau apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan.
4. Setelah Hakim merekodkan suatu perintah persetujuan perceraian atau sabitan pengesahan cerai atau apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan, Hakim hendaklah merekodkan persetujuan nafkah anak.
5. Sekiranya terdapat persetujuan, Hakim hendaklah merekodkan jumlah nafkah anak yang dipersetujui di dalam borang persetujuan bersama (rujuk lampiran 3) dan mengendorskan persetujuan tersebut untuk dijadikan perintah nafkah anak.
6. Setelah diendorskan, kes tersebut hendaklah diagihkan ke pendaftaran sulh untuk mendapatkan nombor kes sulh dan kemudiannya menutup kes dalam sistem e-Syariah sebagai sulh berjaya serta mencetak laporan sulh.

Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2 (72)

7. Pendaftaran kes sulh tersebut hendaklah dibuat **tanpa fail fizikal**. Dokumen berkaitan sulh hendaklah dikandungkan ke dalam fail nafkah anak dan nombor kes sulh hendaklah dicatat di kulit fail tersebut.
8. Sekiranya tiada persetujuan, Hakim hendaklah memerintahkan nafkah sementara anak dan Hakim boleh memanjangkan kes nafkah anak tersebut ke majlis sulh atau menangguhkan kes untuk perbicaraan.
9. Walau apa pun arahan pekeliling ini, seorang Hakim diberikan kebebasan dan keluasan dalam membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut selagi mana tidak bertentangan dengan kehendak dan maksud Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022.

LAMPIRAN 2

CARTA ALIR



Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2 (72)

LAMPIRAN 3

**DALAM MAHKAMAH TINGGI / RENDAH SYARIAH
DI DAERAH
DI PULAU PINANG**

KES MAL BIL:

ANTARA

..... Plaintiff

DENGAN

..... Defendan

Di Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah

Padaharibulan20..... jam:.....pagi/petang

PERJANJIAN PENYELESAIAN

PERSETUJUAN BERSAMA telah dicapai antara pihak Plaintiff dan Defendan di Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah Daerah Setelah perundingan dan penjelasan, kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan telah secara sukarela bersetuju seperti berikut:

1. NAFKAH ANAK: PERSETUJUAN BERSAMA.

1.1 Plaintiff dan Defendan bersetuju nafkah bulanan anak sebanyak RM..... sebulan untuk orang anak berjumlah RM..... sebulan.

1.2 Cara pelaksanaan; pembayaran hendaklah dibayar secara **tunai / potongan gaji** ke dalam

akaun (No Akaun:.....) Plaintiff sebelum atau

pada setiap bulan bermula dan berkuatkuasa pada bulan tahun

(Jika terdapat dalam penyata tuntutan)

2. PERBELANJAAN AWAL PERSEKOLAHAN.

2.1 Plaintiff dan Defendan bersetuju perbelanjaan awal persekolahan sebanyak RM..... sebulan untuk orang yang bernama anak berjumlah RM..... sebulan.

2.2 Cara pelaksanaan; pembayaran hendaklah dibayar secara *tunai / potongan gaji* ke dalam

akaun (No Akaun:.....) Plaintiff hari

sebelum sesi persekolahan, pelaksanaan ini bermula dan berkuatkuasa pada sesi persekolahan tahun

3. PERBELANJAAN HARI RAYA.

3.1 Plaintiff dan Defendan bersetuju perbelanjaan hari raya sebanyak RM..... setiap seorang berjumlah RM.....

3.2 Cara pelaksanaan; pembayaran hendaklah dibayar secara *tunai / potongan gaji* ke dalam

akaun (No Akaun:.....) Plaintiff hari

sebelum sambutan hari raya, pelaksanaan ini bermula dan berkuatkuasa pada sesi hari raya tahun

Lain-Lain:

.....
.....
.....
.....

BAGI MENYAKSIKAN PERJANJIAN PENYELESAIAN ini, kedua-dua pihak mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami kandungan PERJANJIAN PENYELESAIAN ini dan dengan ini kedua-dua pihak menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh seperti tercatat di bawah ini.

Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2 (72)

Ditandatangani oleh Plaintiff

.....

No. KP:

Pada:

Ditandatangani oleh Defendan

.....

No. KP:

Pada:

Di hadapan:

.....

Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah Daerah

Pulau Pinang

Pada: